# Jual burger, sate untuk biaya kos belajar

Oleh Sarah Nabilah Hamdan & Nur Syamimie Mohd Rozali

Foto oleh Marina Ismail, Noor Azreen Awang & Mohd Hasrul Hamdan




SERDANG , 7 Nov – Dengan tekad tidak mahu membebankan ibu bapa dan tidak mahu berhutang dengan PTPTN, Muhammad Najib Abu Bakar bekerja sendiri sepanjang pengajian untuk menampung yuran pembelajaran, sehingga berjaya menggenggam ijazah Bacelor Sains Pertanian.

Muhammad Najib, 23, melakukan kerja sambilan pada sebelah malam dengan menjual burger di Kolej Serumpun, Universiti Putra Malaysia (UPM) tiga kali seminggu serta menjual sate di Seksyen 13, Bangi.

Anak sulung daripada empat beradik ini juga menjadi promoter akhbar Utusan pada tahun 2015, serta mengambil upah membantu kerja-kerja penyelidikan di Fakulti Pertanian UPM seperti menuai tanaman untuk pengumpulan data.

Anak kelahiran Sabah ini yang kini menetap di Kedah, hari ini mampu mengukir senyuman buat kedua ibu bapanya yang masing-masing bekerja sebagai guru, dengan menggenggam ijazah Bacelor Sains Pertanian pada Majlis Konvokesyen UPM ke-41, di sini.

"Kepada mereka yang mahu melakukan kerja sambilan, usah pedulikan pandangan orang lain dan jangan berkira dengan gaji yang ditawarkan kerana pengalaman itulah yang penting," katanya yang bercita-cita menjadi usahawan fertigasi dan menjual alat-alat pertanian.

Antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Najib sepanjang bekerja ialah masalah pengangkutan ke tempat kerja sekiranya hujan kerana beliau menunggang motosikal untuk bergerak ke sesuatu tempat. - UPM

Kemaskini:: 08/11/2017 [syifarida]

**PERKONGSIAN MEDIA**

LIHAT JUGA



UPM antara 7 Organisasi Terbaik Negara T Kualiti SIRIM 2017 (/berita/upm_antara_7_organisasi_terbaik_r nugerah_kualiti_sirim_2017-36607)



Penyelidik UPM hasilkan nanoselulosa dari (/berita/penyelidik_upm_hasilkan_nanoselul s_sawit-36605)



Lima pensyarah UPM terima pengiktirafan Malaysia (/berita/lima_pensyarah_upm_terima_pengi i_sains_malaysia-36603)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1510571118

(https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fjual_burger_sate_untuk_biaya_kos_belajar-36505&title=Jual%20Burger%2C%20Sate%20Untuk%20Biaya%20Kos%20Belajar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus)

(/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)

(/#wordpress) (/#print)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

#### HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my)

Multimedia Super Corridor (http://www.mscmalaysia.my)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web /www

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.r

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/m 8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.up u.my/D

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.e

Penerbitan UPM (http://www.up n.e u.my/k

Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950)
RSS (/footnote/rss-29951) Penafian (/footnote/penafian-29938)
Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2017 Universiti Putra Malaysia

AACSB ACCREDITED

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1510571118